

Skim permudah miliki rumah pertama

➔ Formula pembiayaan pinjaman khas pada Bajet 2017 mudahkan generasi muda beli kediaman

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dijangka mengumumkan skim pembiayaan pinjaman perumahan khas untuk memudahkan pemilikan rumah pertama khususnya dalam kalangan generasi muda yang baharu bekerja pada pembentangan Bajet 2017.

Skim untuk pembelian rumah bernilai RM300,000 dan ke bawah itu bertujuan menyelesaikan masalah pembiayaan apabila institusi kewangan gagal menawarkan pinjaman penuh berikutan gaji permulaan rendah.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata kementerian sedang meneliti perkara itu dan sedang berbincang dengan Bank Negara Malaysia serta empat institusi kewangan utama bagi merangka formula menyelesaikan masalah khususnya dalam kalangan generasi muda.

Beliau berkata, sebaik sahaja for-

mula penyelesaian dimuktamadkan, butiran lanjut mengenai skim itu bakal diumumkan Perdana Menteri dan dijangka dilaksanakan pada pembentangan bajet, 21 Oktober ini.

Gagal dapat pinjaman penuh

Memberi contoh projek perumahan dibangunkan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), katanya agensi itu sering berdepan masalah pembeli yang gagal memperoleh pinjaman penuh.

"Kerajaan mungkin menyediakan deposit rumah RM30,000 tetapi jika harga rumah RM300,000, baki yang perlu dibayar, RM270,000 dan bank hanya boleh memberi pinjaman RM200,000 berasaskan gaji, jadi ada jurang RM70,000.

"Skim yang akan diperkenalkan nanti akan merapatkan atau menyelesaikan jurang dengan nilai yang mampu disediakan bank kerana kerajaan yakin kenaikan gaji setiap tahun akan membolehkan generasi muda mampu menjelaskan pinjaman rumah," katanya selepas melancarkan sistem Rumah Mesra Rakyat dalam talian (RM-

Fakta
nombor

83,534
PERMOHONAN

Rumah Mesra Rakyat
1Malaysia sehingga kini

36,013
UNIT

Rumah Mesra Rakyat
1Malaysia dibina sejak 2002

ROnline) melalui sesawang Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di Wisma Perkeso, di sini, semalam.

Selain Bank Negara, institusi kewangan yang terbabit dalam membentuk formula penyelesaian pembiayaan rumah ialah Maybank, Ambank, RHB Bank dan CIMB.

Had kuota pembeli

Johari berkata pihaknya akan menetapkan kuota jumlah pembeli setiap tahun untuk menikmati skim baharu itu.

Mengulas kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin supaya UMNO menjadi parti jaguh di bandar, Johari yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata:

"Kerajaan perlu terus melakukan yang terbaik untuk membangunkan rakyat, bukan dengan hanya mengeluarkan kenyataan politik yang berbentuk retorik."

Katanya, antara usaha perlu dilakukan kerajaan ialah menyelesaikan isu pemilikan rumah di kawasan bandar dan menjelaskan kepada rakyat masalah berbangkit.